

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN VETERAN ATM TIDAK BERPENCEN
1MALAYSIA (SVTB1M)**

14/02/2013

DEWAN MRSM BAKRI MUAR, JOHOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera, Salam 1Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertama sekali ingin saya panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-nya kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang indah ini bagi menjayakan Majlis Sumbangan Veteran ATM Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M). Saya difahamkan bahawa seramai 6,184 veteran ATM Negeri Johor bakal menikmati faedah atas sumbangan ini yang akan menerima RM1,000 setiap seorang dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM 6.184 juta.

2. Kerajaan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak RM 224 juta, melalui Bajet 2013, untuk memberi sumbangan ini kepada 224,000 Veteran ATM tidak berpencen. Penyerahan sumbangan ini telah mula dilaksanakan mulai 14 Januari 2013 lalu sehinggalah penghujung bulan Februari 2013. Sehingga kini, seramai 83,431 veteran ATM telah mendaftar dan akan menerima sumbangan ini yang disediakan oleh kerajaan malaysia bersama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada LTAT kerana bersama-sama menjayakan usaha murni ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

3. Keperihatinan Kerajaan Barisan Nasional dalam membantu semua pihak termasuklah veteran ATM adalah merupakan langkah untuk meringankan kos sara hidup. Bagi golongan veteran ini, bukan sahaja mendapat RM 1000, melalui SVTB1M, malah turut mendapat RM500 dalam Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi yang layak. Anak-anak yang masih bersekolah pula mendapat RM100, manakala anak yang sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) pula sedang menerima baucar buku berjumlah RM250. Balu tentera juga dapat RM500, yang mana, setiap ahli keluarga sebenarnya telah mendapat bahagian masing-masing.

4. SVTB1M yang diberikan oleh Kerajaan ini, sebenarnya merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam mengiktiraf dan mengenang jasa tuan-tuan dan puan-puan semasa berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia. Selain itu, bagi memastikan veteran ATM dapat menjalani kehidupan keadaan selesa, kerajaan juga telah menubuhkan Jabatan Khas Hal Ehwal Veteran ATM yang bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal berkaitan dengan veteran ATM. Program-program khas untuk veteran ATM, sama ada berpencen atau tidak berpencen juga telah dibentuk di bawah Strategi Lautan Biru (BOS) Negara untuk dimanfaatkan oleh semua bekas anggota ATM bagi meningkatkan lagi sosioekonomi dan kerjaya dalam semua bidang.

5. Kerajaan juga sedar bahawa kesukaran dan cabaran yang dihadapi semasa menjalankan tugas menjaga keamanan dan keselamatan negara adakalanya memberi kesan ke atas fizikal veteran

atm. Justeru, kemudahan perubatan yang komprehensif telah disediakan untuk veteran ATM menjalani kehidupan yang lebih sejahtera, sebaik sahaja menamatkan perkhidmatan. Kemudahan perubatan yang disediakan ini juga turut dipanjangkan kepada tanggungan veteran atm iaitu isteri dan anak-anak di bawah umur 18 tahun yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

6. Selaras dengan hasrat kerajaan yang bermatlamat untuk mentransformasikan negara ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi, tiada sesiapa pun akan dipinggirkan terutamanya Veteran ATM. Sesungguhnya, jasa dan budi tuan / puan dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita akan terus mendapat perhatian sentiasa dikenang oleh Kerajaan. Tanpa tuan / puan, tidaklah kita dapat menikmati keamanan dan kestabilan yang kita kecapai pada hari ini.

7. Justeru, bagi memastikan nasib veteran ATM terus terbela, Akta Veteran 2012 (Akta 740) telah pun digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada 9 Februari 2012 yang lalu. Saya yakin dan percaya dengan kewujudan Akta tersebut, kebajikan veteran ATM adalah lebih terjamin, malah mampu dijadikan asas membantu meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

8. Keamanan yang kita kecapai hari ini bukannya datang bergolek, atau bukannya datang melayang atau bukannya datang menyerah. Keamanan dan kestabilan yang kita nikmati hari ini adalah hasil usaha dan pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu. Tanpa perjuangan tersebut, pastinya Negara kita dalam keadaan huru hara.

9. Oleh itu, janganlah kita menggadai keamanan dan kenikmatan yang kita kecapai hari ini semata-mata untuk memenuhi kehendak dan impian pihak-pihak tertentu. Janganlah kita mencuba-cuba dan mencari kelainan, yang akhirnya akan merosakkan nilai keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati pada hari ini.

10. Ingatlah tuan / puan, bahawa anak dan keturunan negara bangsa Malaysia inilah yang akan terus mengenang dan mengingati perjuangan para veteran ATM yang lalu yang sanggup berkorban nyawa hanya semata-mata untuk menegak dan menjaga kedaulatan dan keamanan Malaysia yang kita cintai.

11. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang hadir dan mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis penyampaian Sumbangan Veteran ATM Tidak Berpencen 1Malaysia.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.